

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA**

SEMPENA

**MAJLIS ANUGERAH INDUSTRI LEBUH RAYA
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

PADA 2 DISEMBER 2021

HOTEL MARRIOTT PUTRAJAYA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin nya jua, kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Anugerah Industri Lebu Raya 2021, pada malam ini.

2. Majlis ini diadakan bertujuan menghargai dan mengiktiraf pemegang taruh industri lebu raya di Malaysia. Pada malam ini kita meraikan kejayaan keluarga industri lebu raya yang telah memberikan perkhidmatan terbaik dalam pembangunan dan pengurusan lebu raya di negara ini. Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah mengambil inisiatif untuk memberi pengiktirafan dan anugerah kepada mereka yang terlibat bersempena majlis anugerah pada malam ini.

APRESIASI DAN ANUGERAH INDUSTRI LEBUH RAYA

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Kejayaan industri lebu raya di negara ini adalah hasil kerjasama antara kementerian dan agensi-agensi berkaitan yang sentiasa memberi sokongan padu sepanjang masa. Untuk itu, pada majlis ini kita akan menyampaikan apresiasi kepada dua kementerian iaitu Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Kewangan, serta 10 agensi dan juga

Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM). Lapan (8) anugerah industri lebuhraya akan turut disampaikan pada malam ini.

4. Menerusi pemberian apresiasi dan anugerah ini, adalah diharapkan agar pemegang taruh industri lebuhraya akan lebih bersemangat, proaktif dan kreatif dalam memastikan pembinaan, pengoperasian dan perkhidmatan lebuhraya sentiasa berada pada tahap terbaik setanding dengan piawaian antarabangsa.

INDUSTRI LEBUHRAYA DI MALAYSIA

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

5. Industri lebuhraya telah bertapak di Malaysia sejak 41 tahun yang lalu dengan penubuhan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) pada 24 Oktober 1980 melalui Akta 231 (Perbadanan) 1980. LLM mempunyai tanggungjawab yang besar untuk mengawalselia dan menjaga kepentingan kerajaan, pengguna lebuhraya dan syarikat konsesi supaya industri ini terus maju dan berjaya.

6. Industri lebuhraya telah menjadi tunjang dalam pembangunan infrastruktur negara. Impak sektor lebuhraya kepada ekonomi negara dari tahun 1974 sehingga 2018 telah mencatatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM 51.1 bilion dan telah menyediakan 290,000 peluang pekerjaan secara langsung.

7. Pelbagai cabaran dan rintangan telah dilalui oleh pemegang taruh industri lebuhraya dalam memastikan pembinaan sesuatu projek lebuhraya.

raya mendatangkan hasil yang memuaskan, memberi impak positif dan memenuhi aspektasi kerajaan, syarikat konsesi serta pengguna lebuhraya.

8. Sehingga kini, terdapat 30 lebuhraya yang sedang beroperasi dan lima (5) lebuhraya yang sedang dalam pembinaan di bawah pengawalseliaan LLM.

9. Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan saya agar setiap syarikat konsesi lebuhraya meneruskan komitmen dalam menyediakan dan menyelenggara fasiliti serta perkhidmatan berorientasikan “best user experience” atau pengalaman terbaik pengguna. Saya yakin ianya boleh dicapai dengan menambahbaik sistem pengurusan lebuhraya sedia ada termasuk penggunaan teknologi terkini selaras dengan revolusi industri 4.0, dan tidak hanya terhad kepada aspek anugerah yang dipertandingkan pada malam ini.

10. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada LLM kerana telah berjaya membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) 2022 – 2026. OACP ini merupakan dasar yang mencerminkan komitmen LLM dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik dengan mengamalkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti. Justeru itu, saya berharap agar syarikat konsesi juga membudayakan tadbir urus dan integriti terbaik serta nyatakan tidak kepada rasuah di dalam organisasi masing-masing.

PSB 2021-2025 DAN APST

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

11. Dalam memperkasakan industri lebuh raya, LLM telah berjaya membangunkan Pelan Strategik Bisnes 2021-2025 (PSB 2021-2025). PSB 2021-2025 telah dibangunkan selaras visi dan misi LLM dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya dengan mengambilkira keperluan industri dan mengimbangi kepentingan pemegang taruh iaitu pengguna, kerajaan dan syarikat konsesi lebuh raya.

12. Pembangunan PSB 2021-2025 LLM ini dilihat sebagai usaha yang murni dan seiring dengan matlamat serta hala tuju negara dengan fokus utama memberikan nilai tambah kepada pengguna dari aspek penyampaian perkhidmatan, menjaga kepentingan kerajaan serta memperkasa industri lebuh raya.

13. Selain itu, LLM turut membangunkan Arahan Pengurusan Sistem Tol (APST) dalam memantau pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab syarikat konsesi lebuh raya bagi memenuhi kepuasan pengguna. Ianya akan dijadikan standard rujukan utama di dalam pengurusan tol di lebuh raya.

14. Bagi memastikan keselamatan warga yang bekerja di dalam industri lebuh raya terjamin, LLM telah menguatkuasakan *Expressway Operation Safety Passport* (EOSP) bagi setiap individu yang bekerja di lebuh raya. LLM mensasarkan agar semua individu yang bekerja di dalam *right of way* (r.o.w) lebuhraya untuk memiliki kad EOSP.

15. Harapan saya semoga pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh KKR, LLM dan PSKLM dalam usaha meningkatkan keyakinan pengguna terhadap industri lebuh raya, akan terus mendapat sokongan padu semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam industri ini.

16. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada KKR, LLM dan PSKLM di atas penganjuran majlis ini. Tahniah juga diucapkan kepada semua penerima apresiasi dan Anugerah Industri Lebuh Raya.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh.